50

**Menteri dan Artis Meriahkan Sambutan Aidilfitri UUM.**
Unit Komunikasi Korporat

**Telah Dihantar:** 27 September 2010 14:17
**Kepada:** UUM - All Staff; UUM All Student

26 SEPTEMBER 2010 / 17 SYAWAL 1431H
=====================================
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
*(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)*

**Menteri dan Artis Meriahkan Sambutan Aidilfitri UUM.**

Oleh: Nor Adila Binti Ab Kadir
Gambar: Shamsaimi Bin Ezil




***MERIAH...Sekitar Sambutan Aidilfitri Peringkat Universiti Utara Malaysia(UUM) yang turut dihadiri oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dan beberapa artis terkenal***

**UUM ONLINE**: Kemeriahan sambutan Aidilfitri peringkat Universiti Utara Malaysia (UUM) kali ini berbeza berbanding tahun-tahun sebelumnya kerana majlis ini dihadiri oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

Mohamed Khaled dalam ucapannya berkata, inilah sambutan majlis Hari Raya yang pertama dihadirinya di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada tahun ini, sekaligus meluahkan rasa seronok kerana dapat bertemu dengan staf UUM.